




(6) HBM/1/1(i)
31 Oktober 2012



Semua Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi Malaya

Semua Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Semenanjung Malaysia

YA/Tuan/Puan,

**PEKELILING HAKIM BESAR MALAYA BIL. 4/2012
PENDENGARAN PERMOHONAN *EX-PARTE* YANG DIFAILKAN ATAS
SUATU SIJIL PERAKUAN SEGERA**

Bagi tujuan penyeragaman amalan berkenaan sesuatu permohonan *ex-parte* yang difailkan atas Sijil Perakuan Segera, saya, dengan persetujuan Ketua Hakim Negara dengan ini mengarahkan Hakim Mahkamah Tinggi Malaya/Pesuruhjaya Kehakiman mengendali semua permohonan *ex-parte* yang difailkan atas Sijil Perakuan Segera dengan langkah-langkah seperti berikut:

- (a) Sejurus selepas difailkan, permohonan *ex-parte* tersebut hendaklah dibawa kepada perhatian Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman berkenaan.
- (b) Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman berkenaan hendaklah terus menentukan tahap kesegeraan permohonan *ex-parte* tersebut.

- (c) Jika Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman berkenaan mendapati bahawa permohonan *ex-parte* tersebut perlu disegerakan perbicaraannya, permohonan itu hendaklah didengar tidak lewat daripada hari bekerja berikutnya. Sekiranya didapati permohonan *ex-parte* tersebut berada di tahap kesegeraan yang melampau, Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman berkenaan hendaklah dengan serta merta mendengar permohonan itu.
- (d) Jika Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman berkenaan mendapati bahawa permohonan *ex-parte* tersebut tidak perlu disegerakan perbicaraannya, permohonan itu hendaklah didengar pada bila-bila masa dan mengikut apa-apa cara sebagaimana Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman berkenaan fikirkan wajar dan patut, termasuklah memberi arahan penyerahan kertas permohonan untuk pendengaran secara *inter-parte*.
- (e) Walau bagaimanapun, pendengaran permohonan secara *inter-parte* hendaklah ditetapkan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh permohonan *ex-parte* tersebut difailkan.

2. Arahan ini hendaklah berkuatkuasa mulai 1 November 2012.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,



(TAN SRI DATO' SERI ZULKEFLI BIN AHMAD MAKINUDIN)

Hakim Besar Malaya

s.k.

1. YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Putrajaya.
2. YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Putrajaya.
3. YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
Jalan Gersik, Petrajaya
Kuching, Sarawak.
4. Semua Hakim Pengurus
5. Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Putrajaya.
6. Pendaftar Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Putrajaya.
7. Pustakawan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Putrajaya

